



**KOLEJ PROFESIONAL MARA**  
Ayer Molek  
KM 16, Jalan Tiang Dua  
75460 AYER MOLEK  
MELAKA



Tel. : 06-2695 881 / 882  
Faks : 06-2695 880  
Laman Web : [www.mara.gov.my](http://www.mara.gov.my)

No. Rujukan Kami : KPMAM.700-1/1/1(15)  
Tarikh : 21 November 2022  
26 Rabiulakhir 1444H

**Semua Pelajar Kanan KPMAM,**

Saudara/saudari,

**MAKLUMAN PENDAFTARAN PELAJAR KANAN KOLEJ PROFESIONAL MARA AYER MOLEK (KPMAM) SESI 3 2022/2023 PENGAMBILAN NOVEMBER**

Perkara di atas dan memo daripada Bahagian Pendidikan Tinggi MARA bertarikh 14 November 2022 (MARA.600-3/1/2 JLD11 (9)) dengan hormatnya adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa semua Pelajar Kanan KPMAM Sesi 2 2022/2023 perlu mendaftar secara fizikal di KPM Ayer Molek pada **3 Disember 2022 (Sabtu)** seperti ketetapan di Lampiran A.

3. Semua pelajar kanan perlu membayar Yuran Semester melalui aplikasi MARAeps **selewat-lewatnya pada 2 Disember 2022 (jam 11.59 malam)** dan seterusnya mendaftar secara dalam talian terlebih dahulu menggunakan "e-Form Daftar KPMAM" di pautan <https://forms.gle/M3ea6v3WoaQzYrJJ6> **selewat-lewatnya pada 3 Disember 2022 (jam 11.59 malam)**.

4. Sila rujuk **Garis Panduan Kemasukan Pelajar KPM dan KM Sesi 3 2022/2023 (Kemaskini: 10 November 2022)**, **Garis Panduan Pendaftaran Pelajar Kanan KPM Sesi 3 2022/2023 Pengambilan November** dan **Struktur Yuran Pelajar KPM** untuk maklumat yang lebih terperinci berkaitan pendaftaran kolej, yuran semester dan pendaftaran kursus bagi mengelakkan denda lewat daftar kursus dikenakan sepertimana yang termaktub dalam Peraturan Akademik KPM Edisi 12 (2021).

Kerjasama saudara/saudari dalam perkara yang dinyatakan di atas amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"LUAR BANDAR SEJAHTERA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**SAMSIAH BINTI KANDAR**  
Pengarah  
Kolej Profesional MARA Ayer Molek  
Melaka



Keusahawanan  
& Pendidikan Global  
Majlis Amanah Rasyid

## LAMPIRAN A

### MAKLUMAN PENDAFTARAN PELAJAR KANAN KOLEJ PROFESIONAL MARA AYER MOLEK SESI 3 2022/2023

Tarikh	Masa	Kumpulan Pelajar
3 DISEMBER 2022 (SABTU)	8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari	Pelajar DBS Semester 2 dan ke atas
	2.00 hingga 5.00 petang	Pelajar DIA & FIA Semester 2 dan ke atas

#### Nota Penting:

- 1) Pelajar perlu mematuhi prosedur pendaftaran seperti yang ditetapkan.
- 2) **Etika pemakaian** pada hari pendaftaran:
  - Pelajar siswa : Seluar *slack/khakis* panjang, kemeja/ t-shirt berkolar, kasut bertutup & **rambut pendek dan kemas.**
  - Pelajar siswi : Berpakaian menutup aurat, baju kurung / blaus & skirt/seluar longgar & kasut bertutup.
- 3) Hanya pelajar yang sihat dan tidak bergejala dibenarkan mendaftar pada 3 Disember 2022. Sekiranya pelajar bergejala, kurang sihat atau didapati positif COVID-19, sila maklumkan kepada Ketua Felo atau TPHEP dengan kadar segera dan emelkan sijil cuti sakit atau surat arahan kuarantin yang berkenaan ke emel TPHEP: [mahshitoh.musa@mara.gov.my](mailto:mahshitoh.musa@mara.gov.my).
- 4) Pelajar dinasihatkan untuk membawa ubat-ubatan yang diperlukan ke kolej (sekiranya telah menerima nasihat daripada pegawai perubatan bertauliah).
- 5) Pelajar digalakkan untuk membuat **ujian saringan sendiri COVID-19** sebelum kembali ke kolej.
- 6) Sila maklumkan dengan kadar segera kepada Ketua Felo/Felo Bertugas sekiranya pelajar mempunyai gejala selepas mendaftar.
- 7) Kuliah secara fizikal akan bermula pada **5 Disember 2022 (Isnin)**. Sila rujuk jadual kuliah masing-masing.